



07 JUL, 2025

Lapan GLC dipilih bawah program BIG



Harian Metro, Malaysia



MENTERI Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan (belakang, empat dari kiri), Menteri MOSTI, Chang Lih Kang, (belakang, tiga dari kiri) dan Norman Matthieu (belakang, kanan) bersama penerima GLC yang terpilih di bawah program BIG di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Lapan GLC dipilih bawah program BIG

Kuala Lumpur: Lapan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) terpilih di bawah program Bengkel Inovasi GLC (BIG), sekali gus masing-masing menerima peruntukan geran padanan sehingga RM2 juta bagi setiap GLC, dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM10.7 juta.

Pemilihan itu diumumkan Kementerian Kewangan (MOF) dengan kerjasama Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) serta Cradle Fund Sdn Bhd (Cradle).

GLC terpilih adalah Bank Islam, CelcomDigi, Edotco,

Malaysia Aviation Group, Sime Darby Property, SP Setia, Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan Cenviro.

Pencapaian itu menandakan peralihan program BIG daripada fasa perancangan kepada pelaksanaan selepas ia dilancarkan Mac lalu.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Cradle, Norman Matthieu Vanhaecke berkata, setiap GLC menunjukkan kerjasama kukuh dengan pemula (*startup*) tempatan dan antarabangsa, mencerminkan semangat kerjasama diketengahkan dalam program BIG.

Katanya, Cradle berbangga kerana memainkan peranan utama dalam merangka dan melaksanakan BIG bersama MOF, MOSTI dan rakan ekosistem, dengan mengaktifkan satu model baharu kerjasama korporat-startup.

"GLC ini sudah tampil sebagai peneraju inovasi negara menandakan perubahan ketara dalam cara korporat melihat inovasi, bukan sebagai aktiviti sampingan, tetapi pamacu utama daya tahan dan pertumbuhan."

"Kami menantikan fasa penciptaan bersama dan

pelaksanaan projek rintis bersama *startup*," katanya dalam kenyataan.

Sementara itu, dalam tempoh enam bulan akan datang, GLC terpilih akan bekerjasama dengan pasukan inovasi dalaman, *startup* dan pembangun usaha niaga melalui salah satu atau gabungan daripada dua laluan utama: Venture Client Track dan Venture Co-Creation Track.

Startup yang berminat untuk bekerjasama dengan GLC boleh mendaftar melalui laman web BIG di big.myopeninnovation.com.